



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENGOPERASIAN PEJABAT DAN KAUNTER JUALAN JUPEM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

---

Merujuk kepada sidang media oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan (Pertahanan) dan selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 26 Oktober 2020 (Isnin) telah melanjutkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya selama 14 hari bermula pada 27 Oktober 2020 hingga 9 November 2020.

Sehubungan itu, pejabat dan kaunter jualan JUPEM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor akan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKPB dan melaksanakan sistem bekerja secara penggiliran seperti yang telah disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran No. Rujukan: JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020.

Para pelanggan adalah digalakkan untuk menggunakan medium dalam talian yang telah disediakan oleh JUPEM iaitu:

- a) Aduan/Pertanyaan di pautan <https://www.jupem.gov.my/maklum-balas> atau melalui e-mel ke [hqweb@jupem.gov.my](mailto:hqweb@jupem.gov.my);
- b) Aplikasi eBiz JUPEM di pautan <https://ebiz.jupem.gov.my/>;
- c) Aplikasi eKadaster di pautan <https://www.jupem.gov.my/ekadaster> atau melalui e-mel ke [ekadaster@jupem.gov.my](mailto:ekadaster@jupem.gov.my); dan
- d) Aplikasi MyRTKnet di pautan <http://www.rtknet3.gov.my/> atau melalui e-mel ke [admin.myrtknet@jupem.gov.my](mailto:admin.myrtknet@jupem.gov.my).

Maklumat terkini mengenai JUPEM boleh melayari Portal Rasmi JUPEM di pautan <https://www.jupem.gov.my/> atau hubungi kami di talian 03-2617 0800.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**



jupemKeTSA



@jupemKeTSA



@jupemKeTSA